

# Sarawak, Pusat perlu perkukuhkan ikatan

**Kuching:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata penting bagi Sarawak untuk terus mempunyai 'ikatan' yang kuat dengan Kerajaan Persekutuan.

"Terdapat satu yang luar biasa di Sarawak, iaitu kerajaan Sarawak tidak lagi daripada parti sama dengan kerajaan pada peringkat pusat. Oleh itu, sudah tentu kerjasama antara dua pihak berlainan tidak sekuat seperti dikehendaki.

"Rakyat kalau nak ikatan antara kerajaan negeri dan Pusat, ikatan kuat, maka amat penting pada Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang, kita tukar kerajaan di Sarawak," katanya berucap pada Program Berambah Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU Sarawak, di sini semalam.

Ke arah matlamat itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dan BERSATU, mengingatkan semua anggota parti supaya terus merapatkan saf antara ahli parti komponen PH.

"Setiap daripada parti komponen itu tidak akan mampu memenangi mana-mana pilihan raya secara sendirian. Kita sahaja sendiri tak mungkin menang di Sarawak.

"Kita perlu bergabung dengan parti lain, kadang-kadang parti yang dahulunya kita tak suka, tetapi suka atau tidak, hanya dengan bergabung saja, baru kita dapat capai kemenangan dan dirikan kerajaan.

"Ini kita mesti ingat, kalau kita nak semua untuk kita, kita takkan

*"Setiap daripada  
parti komponen  
itu tidak akan mampu  
memenangi mana-  
mana pilihan raya  
secara sendirian.*

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*

dapat apa-apa, tetapi kalau kita sanggup berkongsi, maka kita akan dapat kejayaan dan perkongsian itu akan kita bahagi-bahagikan.

"Harus kita ingat, kenapa kita harus berkongsi? Kenapa adakan gabungan? Sebabnya tanpa gabungan, kita mungkin kalah," katanya yang menjangka PRN Sarawak diadakan tahun hadapan.

Dr Mahathir berkata, penting bagi BERSATU dan ahlinya yang kali pertama akan mengambil bahagian di Sarawak, supaya mempunyai disiplin yang tinggi.

"Apabila dibuat sesuatu keputusan, walaupun keputusan itu tidak boleh diterima kita, tetapi itu keputusan ramai, maka kita yang jadi minoriti perlu ikut keputusan itu.

"Saya harap di Sarawak ini, kita satukan tenaga kita. Insyallah kita akan dapat menjayakan perjuangan, tapi sudah tentu kerajaan yang akan didirikan bukanlah kerajaan BERSATU, tetapi kerajaan PH," katanya.

BERNAMA